



Fenomena tengah hari tanpa bayang hari ini

TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN || 28 Mac 2022



Fenomena tanpa bayang susulan peristiwa Ekuinoks pada Isnin lepas iaitu matahari berada tepat di atas garisan Khatulistiwa. - Gambar hiasan

PUTRAJAYA - Kuala Lumpur, Putrajaya, Shah Alam serta beberapa bandar lain akan mengalami fenomena tengah hari tanpa bayang pada Isnin.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba dalam kenyataannya pada Isnin berkata, fenomena itu berlaku susulan peristiwa Ekuinoks Isnin lepas, iaitu matahari berada tepat di atas garisan Khatulistiwa.

"Semasa peristiwa Ekuinoks, seluruh dunia mengalami waktu siang dan malam yang sama panjang iaitu 12 jam siang dan 12 jam malam," katanya.

Menurutnya, Ekuinoks juga menandakan perubahan musim iaitu bermula musim bunga di hemisfera utara bumi manakala di hemisfera selatan bumi akan mula mengalami musim luruh.

"Fenomena ini dipanggil fenomena tengah hari tanpa bayang kerana pada waktu tengah hari, matahari akan berada tepat di atas kepala setiap orang di atas sepanjang garisan Khatulistiwa," katanya.

JADUAL TENGAH HARI TANPA BAYANG UNTUK SEMUA BANDAR DAN BANDARAYA DI MALAYSIA BERSEMPENA PERISTWIA EKUINOKS 21 MAC 2022			Terengganu, SARH		Johor	
Tarikh	Bandar	Waktu Tengah Hari Tanpa Bayang	Tanong, SARH	12:21	Johor	01:19
23-Mar-2022	Betong, SARW	12:41	Ragan Sersa	01:22	Bintulu	12:34
	Kukup, JHR	01:14	Lahad Datu	12:11	Ampong	01:19
	Sri Aman, Sarawak	12:43	Lauas, SARW	12:23	Nenas, PHG	01:12
24-Mar-2022	Lundu, SARW	12:48	Gua Musang	01:17	Kuala Lumpur	01:19
	Kuching	12:48	Teluk Lahad, SARW	12:11	Shah Alam	01:20
	Porton, Ked	01:14			Putrajaya	01:19
25-Mar-2022	Johor Bahru	01:12			Kuala Kluang	01:18
	Sibu, SARW	12:47			Kuala	12:38
	Kluang	01:14				
26-Mar-2022	Marang	01:17				
	Yong Peng	01:15				
	Kapit, SARW	12:36				
27-Mar-2022	Alor Gajah, JHR	01:14				
	Satu Pahat	01:15				
	Kota Tinggi	01:11				
28-Mar-2022	Kuala	01:12				
	Merang	01:11				
	Lahat	01:14				
29-Mar-2022	Jasin	01:17				
	Bekoh, JHR	01:14				
	Putra Tinggi	01:15				
30-Mar-2022	Malaka	01:19				
	Karau	12:38				
	Kahang, JHR	01:12				
31-Mar-2022	Selangor, SARW	12:40				
	Sarkai	12:40				
	Kuala Rompin	01:12				
01-Apr-2022	Kuala Pauh	01:17				
	Seremban	01:18				
	Putra Peranggi	01:09				
02-Apr-2022	Gemas	01:16				
	Putra Aul	01:08				
	Ruang	12:36				
03-Apr-2022	Baganan	01:19				
	Port Dickson	01:19				
	Batu Caves	01:19				
04-Apr-2022	Kuala Krai	01:15				
	Beaufort	12:21				
	George Town	01:23				
05-Apr-2022	Putra Perhentian	01:13				
	Butterworth	01:22				
	Perlis, KLTN	01:17				
06-Apr-2022	Datong, KLTN	01:16				
	Kulim	01:22				
	Bukit Mertajam	01:22				
07-Apr-2022	Labis	12:23				
	Kuala Terengganu	01:11				
	Sandakan	12:11				
08-Apr-2022	Pasir Puteh	01:14				
	Grik	01:19				
	Putra Redang	01:12				
09-Apr-2022	Gurun	01:22				
	Papad	12:39				
	Baling	01:20				
10-Apr-2022	Bandar Seri Begawan	12:19				
	Jaya	01:22				
	Kuala Nerus	01:21				
11-Apr-2022	Tampel	01:19				
	Kota Bharu	01:14				
	Alor Setar	01:22				
12-Apr-2022	Bachok	01:14				
	Gunung Kinabalu	12:17				
	Ranau	12:17				
13-Apr-2022	Pasir Mas	01:15				
	Kota Kinabalu	12:19				
	Langkai, SARH	12:16				
14-Apr-2022	Kangar	01:22				
	Changlun	01:21				
	Langkawi	01:24				
15-Apr-2022	Kota Bharu	12:17				
	Kudat	12:16				
	Jambongan, SARH	12:13				
16-Apr-2022	Marang	01:12				
	Selangor	01:22				
	Merang, SARH	12:20				
17-Apr-2022	Lempeng	01:20				

Jadual fenomena tengah hari tanpa bayang pada Isnin yang dikongsi MOSTI.

Beliau berkata, bayang kepala dan badan akan terjatuh ke tapak kaki seolah-olah tiada bayang yang jatuh ke bumi.

"Fenomena tanpa bayang di Kuala Lumpur dan Putrajaya akan berlaku jam 1.19 petang manakala Shah Alam, 1.20 petang," katanya.

Antara beberapa kawasan lain yang turut berlaku fenomena itu pada Isnin ialah Batu Caves jam 1.19 petang, Bintulu (12.34), Nenas (1.12), Kuala Kluang (1.18).

Dr Adham berkata, Malaysia mula mengalami fenomena berkenaan pada Rabu lepas di Serian, Sri Aman dan Betong di Sarawak serta Kukup di Johor.

Ia diikuti bandar lain pada tarikh berikutnya sehingga ke bandar terakhir iaitu Kudat dan Jambongan di Sabah pada 7 April.

"Selepas itu matahari akan semakin teranjak ke latitud lebih ke utara iaitu ke negara seperti Thailand, Vietnam dan Kemboja," katanya.